

**PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA
LUAR NEGARA JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM**



**Kata-kata Aluan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, maka Buku Panduan JPA Edisi Keempat dapat diterbitkan sebagai satu usaha murni ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri meletakkan harapan yang tinggi terhadap keupayaan perkhidmatan awam sebagai penggerak kemajuan negara. Ia dizahirkan melalui teras kedua dan kelima RMK-9 yang menekankan aspek modal insan yang berminda kelas pertama dan meningkatkan keupayaan organisasi.

Realitinya, persekitaran perkhidmatan awam tidak lagi seperti biasa. Justeru, JPA perlu terus relevan melaksanakan peranan untuk menjelmakan manifestasi *stakeholders* kepada rakyat. JPA harus sentiasa mengamalkan prinsip *kaizen* bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti dan melangkaui kebiasaan.

Saya berharap agar semua usaha JPA dapat diterjemahkan melalui penerbitan Buku Panduan JPA Edisi Keempat ini. Semoga dengan penerbitan Buku Panduan JPA, segala urusan antara pelanggan dengan JPA dapat dipermudahkan dan dipercepatkan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, which appears to read 'Ismail Adam'.

(TAN SRI ISMAIL ADAM)

1. **PENGENALAN**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan program penajaan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM yang memenuhi syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pelbagai bidang pengajian di luar negara.

2. **PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN**

- (a) Program Ijazah Kejuruteraan di Universiti di Jerman;
- (b) Program Ijazah di Universiti-universiti di Jepun;
- (c) Program Diploma Kejuruteraan di Jepun;
- (d) Program Diploma dan Ijazah Kejuruteraan di Korea
- (e) Program Ijazah Kejuruteraan di Universiti-universiti di Perancis;
- (f) Program Ijazah Universiti di United Kingdom/Ireland
- (g) Program Ijazah Universiti di Amerika Syarikat;
- (h) Program Ijazah Universiti-universiti di Rusia;
- (i) Program Ijazah Perubatan Universiti-universiti Timur Tengah (Mesir/Jordan);
- (j) Program Ijazah Perubatan Berkembar;
- (k) Program Ijazah Australia/New Zealand;
- (l) Program Ijazah Perubatan Universiti-universiti di Indonesia;
- (m) Program Ijazah Universiti-universiti di Kanada;
- (n) Program Ijazah Perubatan Universiti-universiti di Republik Czech/Poland;
- (o) Program Ijazah Universiti-universiti di India.

3. **BIDANG-BIDANG PENGAJIAN**

- (a) Perubatan;

- (b) Pergigian
- (c) Farmasi
- (d) Kejuruteraan
- (e) Bioteknologi
- (f) Sains dan Teknologi
- (g) Perakauanan
- (h) Senibina
- (i) Sains Aktuari
- (j) Sains Perubatan Veterinar
- (k) Sains Pertanian
- (l) Ukur Bahan
- (m) Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- (n) Perancangan Bandar dan Wilayah
- (o) Undang-undang
- (p) Sastera Ikhtisas
- (q) Sastera Ikhtisas Jepun
- (r) Sastera dan Sains Sosial dan
- (s) Sastera dan Sains Sosial Jepun.

4. **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Syarat Umum

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak melebihi 19 tahun bagi pelajar peralihan pada tarikh tutup permohonan; dan
- (c) Mendapat sekurang-kurangnya Gred 2A dalam Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Islam/ Pengetahuan Moral.

Syarat Khusus

- (a) Mendapat sekurang-kurangnya Gred 2A dalam kombinasi subjek-subjek SPM tahun semasa seperti yang ditetapkan dalam iklan.

5. **IKLAN DAN BORANG PERMOHONAN**

Program Ijazah Luar Negara akan diiklankan di dalam akhbar tempatan dalam bulan Februari / Mac. Permohonan perlu dibuat melalui permohonan atas talian (Online Application) di Laman Web JPA (www.jpa.gov.my).

6. **PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI**

Sekiranya pemohon mempunyai sebarang pertanyaan mengenai permohonan biasiswa luar negara, sila e-mail ke e-sila@jpa.gov.my atau hubungi pegawai berikut :

Bidang Tugas/Jawatan	Nama Pegawai
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan	Datin Madinah binti Mohamad 03-8885 3005 madinah@jpa.gov.my
Timbalan Pengarah, Cawangan Operasi	En. Zainal Abidin bin Ahmad 03-8885 3010 zainalaa@jpa.gov.my
Ketua Unit Latihan Sebelum Perkhidmatan (Luar Negara)	En. Mansor bin Ibrahim 03-8885 3057 mansor@jpa.gov.my

7. **ALAMAT SURAT MENYURAT**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 4 – 6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya

(u.p : Unit Latihan Sebelum Perkhidmatan Luar Negara)

Hotline : 03-8885 3397

Faks : 03-8889 2170

E-mel : Penajaan Luar Negara esila@jpa.gov.my
lspln@jpa.gov.my

